



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

PERDANA MENTERI MENYEMPURNAKAN PELANCARAN RAKAN MUDA

1. **Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim** hadir bagi melancarkan Rakan Muda yang diberikan nafas baharu bertempat di **Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.**
2. Majlis pelancaran diserikan dengan kehadiran **Mantan Menteri Belia dan Sukan** yang merupakan **pengasas inisiatif Rakan Muda pada tahun 1994, YBhg. Tan Sri Dato' Abdul Ghani Othman.** Turut hadir **Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh** dan **Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim.**
3. Inisiatif Rakan Muda kini **diperkasakan semula oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** dengan objektif untuk menjadi **platform pengisian masa berkualiti dan penyatuan perpaduan.**
4. KBS juga akan memastikan Rakan Muda **dibangunkan dan berkembang secara organik** di setiap daerah dan negeri yang mana **fasa pertama** adalah bertujuan menggalakkan **gaya hidup baru.** Fasa seterusnya akan melibatkan **penambahan dan perkembangan** daripada semasa ke semasa.
5. **Rakan Muda** kali ini juga akan menjadi platform utama untuk pelaksanaan **Model Baharu Pembangunan Belia Madani 2030** yang dilancarkan baru-baru ini. Harapan KBS ialah supaya Rakan Muda menjadi satu **program yang didukung oleh semua agensi kerajaan** terutamanya di dalam melaksanakan aktiviti berkaitan belia sejajar dengan usaha berterusan kerajaan di dalam meningkatkan kesejahteraan dan penglibatan belia dalam pembangunan negara.

6. Pelbagai program dan aktiviti yang akan digerakkan oleh **KBS** melalui **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** menerusi **10 Gaya Hidup Rakan Muda** iaitu Rakan Aktif, Rakan Bumi, Rakan Demokrasi, Rakan Digital, Rakan Ekspresi, Rakan Litar, Rakan Muzik, Rakan Mahir, Rakan Niaga dan Rakan Prihatin. Perincian seperti di **LAMPIRAN A**.
7. Pelaksanaan Rakan Muda juga akan memberi tumpuan kepada **3 fokus utama iaitu:**
 - 7.1 memperkukuhkan **jenama Rakan Muda** menerusi **10 Gaya Hidup** yang diberikan nafas baharu;
 - 7.2 menyerlahkan **potensi generasi belia** menerusi **penterjemahan minat dan kecenderungan positif**; dan
 - 7.3 memberdayakan **pendekatan sinergi** dengan pelbagai rakan strategik dan kumpulan pelaksana.
8. Pelaksanaan Rakan Muda kini turut disokong oleh **rakan strategik** iaitu **Grab, Shopee, Lazada dan Food Panda** dan KBS berharap ia **mendapat sokongan dan sambutan** daripada pelbagai pemegang taruh, terutamanya belia. Ibu bapa yang membesar ketika era Rakan Muda sekitar tahun 90-an juga diminta untuk menggalakkan anak-anak untuk menyertai Rakan Muda.
9. Sekiranya ingin **mendaftar** atau **memerlukan maklumat lanjut**, sila hubungi sekretariat seperti berikut:

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nombor <i>Hotline</i> Isnin - Jumaat 9.00 pagi – 5.00 petang	03 - 8871 3724
2.	Portal	https://www.kbs.gov.my/rakanmuda
3.	E-mel	rakanmuda@kbs.gov.my

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

25 JUN 2023

*Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat,
Kementerian Belia dan Sukan di talian 03 - 8871 3100.*

LAMPIRAN A

BIL	GAYA HIDUP	PENERANGAN
1.	Rakan Aktif	Platform memfokuskan kepada aktiviti fizikal bagi membentuk masyarakat yang aktif dan cergas selaras dengan Malaysia Aktif.
2.	Rakan Bumi	Platform pendedahan dan penerokaan kepentingan penjagaan kelestarian alam dan iklim bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).
3.	Rakan Demokrasi	Platform pendidikan demokrasi berteraskan pemahaman prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan bagi melahirkan golongan muda yang celik demokrasi.
4.	Rakan Digital	Platform teknologi digital, media sosial dan saluran digital bagi menyerlahkan kreativiti dan inovasi serta mendidik menjadi pengguna yang bertanggungjawab.
5.	Rakan Ekspresi	Platform mengekspresikan penyerlahan bakat, minat dan idea melalui lisan, penulisan, karya kreatif berlandaskan nilai moral, kerohanian, adab dan tatasusila.
6.	Rakan Litar	Platform memfokuskan aktiviti sukan beroda dan sukan bermotor bagi menyokong aktiviti sihat, membina daya saing dan tahap kompetitif.
7.	Rakan Muzik	Platform penyerlahan bakat melalui kemahiran bermain instrumen muzik, penyusunan muzik, penulisan lirik, seni nyanyian dan persembahan.
8.	Rakan Mahir	Platform pendidikan formal dan tidak formal dalam bidang kemahiran teknikal dan vokasional.
9.	Rakan Niaga	Platform memfokuskan aktiviti perniagaan dan keusahawanan melalui latihan, pembangunan kapasiti dan inovasi dalam usaha meningkat ekonomi.
10.	Rakan Prihatin	Platform menanamkan rasa simpati dan empati menerusi pembudayaan nilai kesukarelawanan dan kemasyarakatan (rentas generasi – <i>inter generation</i>).

**Senarai program dan aktiviti akan dikemaskini daripada semasa ke semasa*